

PASCA PANDEMIK COVID-19

# ADAPTASI Kebiasaan Baru

EDITOR

Nurul Nadia Abd Aziz & Normilia Abd Wahid

SIMPTOM

Ekonomi Gig

SJR

Endemik

Norma baharu

Koronavirus

Face mask

PKRC

Kuarantin

TRANSFORMASI

Kluster

BOOSTER

Varian

PKPP

MORATORIUM

PKPD

SOP

Penjarakan sosial

Online shopping

KWSP

i-Lestari

WABAK

Kontak rapat

Pandemik

SANITIZER

PPZ

Kit Ujian

Darurat

PKPB

SWAB TEST

ONLINE LEARNING

Covid-19

PPE

PKP

Work from home

SUBSCRIBE

i-Sinar

JILID 2

VAKSIN

Hak Cipta Karya @ Ketua Editor  
Cetakan Pertama November 2022

## HAK CIPTA TERPELIHARA

*Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada:*

Nurul Nadia Abd Aziz (Ketua Editor)  
Normilia Abd Wahid (Editor)

**e-ISBN:** 978-629-97305-1-4

### **Reka bentuk/Konsep Kulit/Typografi:**

Khairul Akmar Baharudin  
kab7785@gmail.com

### **Diterbitkan dan dicetak oleh:**

Tiang Press  
No. 1 Tingkat Bawah,  
Taman Peramu Makmur,  
26600 Pekan,  
Pahang Darul Makmur

# Isi Kandungan

Sidang Penulis	4
Isi Kandungan	7
Singkatan	9
Prakata	10
Penghargaan	11
Membudayakan Norma Baharu Pasca Covid-19	16
<i>Roslina Ali</i>	
<i>Fazreena Mansor</i>	
Kedudukan Ringgit Malaysia (RM)	36
<i>Siti Syamira Mohd Ramli</i>	
<i>Noor Affeeda Ramli</i>	
Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Industri Penerbangan Negara	62
<i>Mohd Aidil Riduan Awang Kader</i>	
<i>Musramaini Mustapha</i>	
Impak Covid-19 dalam Industri Fesyen	89
<i>Azeman Abd Majid</i>	
<i>Mawarti Ashik Samsudin</i>	

Kesan Pandemik Covid-19 terhadap Sektor Peruncitan dan Adaptasi Penggunaan Aplikasi Digital dalam Sektor Peruncitan di Malaysia <i>Musramaini Mustapha</i> <i>Mohd Aidil Riduan Awang Kader</i>	115
Cabaran dalam Pembangunan Keusahawanan Siswazah di Peringkat Universiti <i>Nor Hidayatun Abdul Razak</i> <i>Suhanom Mohd Zaki</i>	139
Food Bank: Almari yang Berfungsi Sendiri <i>Nurul Nadia Abd Aziz</i> <i>Zaidatul Nadiah Abu Yazid</i>	156
Personal Shopper: Trend atau Kerjaya <i>Normilia Abd Wahid</i>	171
Biah Cookies KL: “Jangan Menangis di Hadapan Pintu Yang Tertutup” <i>Azniza Ahmad Zaini</i> <i>Nor Aziah Abd. Kadir</i>	187

# Food Bank: Almari yang Berfungsi Sendiri

Nurul Nadia Abd Aziz  
Zaidatul Nadiah Abu Yazid

# Food Bank: Almari yang Berfungsi Sendiri

Nurul Nadia Abd Aziz

Zaidatul Nadiah Abu Yazid

## Pengenalan

Bank makanan, atau lebih dikenali dengan nama *Food Bank*, merupakan sebuah badan bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan khusus untuk membantu mengedarkan makanan kepada golongan yang menghadapi kesukaran untuk membeli makanan yang cukup bagi mengelakkan kelaparan. Konsep ini selalunya akan berfungsi seperti “orang tengah” dalam membantu aktiviti mengedarkan makanan yang disumbangkan oleh pelbagai pihak kepada kumpulan sasaran.

Konsep *Food Bank* ini mula diperkenalkan oleh Sir John Van Hengel pada sekitar akhir tahun 1960-an, di mana idea itu diperolehi apabila beliau mendapat rungutan daripada seorang ibu tunggal yang kecewa dan letih kerana terpaksa mencari sisa makanan daripada tong sampah di setiap lorong kedai-kedai yang menjual makanan di penghujung hari. Sir Vengel kemudiannya mula menubuhkan bank makanannya sendiri yang diberi

nama St. Mary Food Bank pada tahun 1967, dan merupakan *Food Bank* pertama di Amerika Syarikat. Sejak dari penubuhan *Food Bank* ini, beribu-ribu *Food Bank* yang lain ditubuhkan di seluruh dunia. Di Eropah pula, *Food Bank* ini mula banyak ditubuhkan selepas berlakunya krisis kenaikan harga makanan global pada akhir tahun 2006. Keadaan ini bertambah parah apabila kegawatan ekonomi dunia semakin memburuk pada tahun 2007 hingga 2008.



Tema Food Bank adalah  
"Sila Beri Jika Mampu, Sila Ambil Jika Perlu"



Sementara itu di Malaysia, Program *Food Bank* Malaysia telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif peduli rakyat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Program ini bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan makanan dan untuk meringankan kos sara hidup mereka. Program ini adalah selari dengan matlamat United Nations Sustainable Development Goals (SGD) 12.3, iaitu mencapai pengurangan setengah daripada lebihan makanan menjelang 2030. Tambahan pula, kebanyakan *Food Bank* di Malaysia, rata-rata di mulakan setelah berlakunya pandemik Covid-19 bagi membantu golongan sasaran dan seterusnya diharapkan mampu terus bertahan untuk tempoh masa yang lama walaupun telah beralih ke fasa endemik.

Ringkasnya, konsep *Food Bank* ini adalah perkhidmatan kaunter layan diri kepada para penyumbang dan penderma untuk menyumbangkan apa jua bentuk makanan mengikut kemampuan mereka. Ia juga merupakan kaunter layan diri kepada golongan yang memerlukan untuk mendapatkan bekalan makanan keperluan dapur (barangan kering) ketika mereka dalam suasana kesempitan hidup dan ketidakcukupan bekalan makanan untuk seisi keluarga.



## Golongan sasaran

*Food Bank* ditubuhkan bertujuan untuk menyalurkan bantuan bekalan makanan, tidak kira sama ada yang telah dimasak atau bahan mentah kepada beberapa golongan sasaran seperti gelandangan, fakir, miskin, dan daif. Orang miskin dikategorikan sebagai golongan yang tidak mempunyai harta benda, hidup dalam serba kekurangan, dan tidak mampu menyediakan barang-barang keperluan hidup. Kehidupan mereka juga melarat. Manakala golongan fakir pula hidup lebih kekurangan berbanding golongan miskin.

Selain itu, *Food Bank* juga diwujudkan untuk membantu golongan yang terputus sumber kewangan dan lain-lain kumpulan yang memerlukan. Kumpulan ini termasuklah individu yang diberhentikan kerja semasa pandemik Covid-19 melanda dunia pada tahun 2020 yang lalu, yang seterusnya menyebabkan mereka terbeban dengan hutang-piutang dan pelbagai tanggungan. Kumpulan individu ini merupakan orang yang mampu membeli barang keperluan harian mereka sebelum mereka diberhentikan kerja. Justeru, apabila mereka tidak lagi berkerja dan terputus sumber rezeki secara tidak dirancang, mereka mungkin berasa tertekan dan malu untuk meminta-minta.

## Pengurusan Food Bank

*Food Bank* merupakan satu inisiatif yang boleh dimulakan oleh sesiapa sahaja sama ada orang perseorangan mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO). Hanya dengan menyediakan sebuah almari makanan di kawasan yang strategik, *Food Bank* ini mampu berfungsi dengan sendiri. Pasti akan sentiasa ada orang perseorangan yang budiman dan dermawan yang sudi menyumbang dalam *Food Bank* tersebut.



Contoh Food Bank yang diuruskan oleh NGO Yayasan Ummah Prihatin Pahang (YUPP) Daerah Raub

Ada sesetengah golongan masyarakat yang lebih selesa untuk menyumbang sendiri makanan di dalam *Food Bank* kerana ia lebih telus dan dapat menyampaikannya terus kepada golongan sasaran. Kadang-kala masyarakat mahu menyumbang, tetapi tidak tahu hendak menyalurkan wang sumbangan kepada siapa atau ragu-ragu dengan pihak yang menguruskan wang sumbangan. Golongan seperti ini akan merasa lebih berpuas hati untuk membeli sendiri makanan mahu pun barang keperluan dapur dan meletakkan sendiri sumbangan mereka di dalam *Food Bank*.

Begitu juga, pihak yang kurang berkemampuan akan dengan sendirinya mengambil makanan atau barang keperluan dapur dari *Food Bank* tersebut tanpa perlu memohon kepada mana-mana pihak dan tidak perlu berhadapan dengan pelbagai karenah birokrasi seperti mengisi borang, melampirkan bukti, menunggu kelulusan dan sebagainya. Hanya dengan membiarkan sahaja almari *Food Bank* itu di lokasi yang strategik, ia akan berfungsi dengan sendirinya. Pihak yang ingin menyumbang akan meletakkan apa sahaja jenis sumbangan mereka pada bila-bila masa, dan begitu juga sebaliknya, pihak yang memerlukan akan mengambil pada bila-bila masa mengikut keperluan.

Hebahan kepada masyarakat setempat tentang kewujudan *Food Bank* ini perlu dibuat mengikut keperluan. Jika di kawasan tersebut mempunyai terlalu ramai pendatang asing tanpa izin (PATI), ditakuti mereka yang akan menghabiskan stok makanan tersebut dengan tidak bermoral dan tanpa memikirkan masyarakat setempat. Justeru, hebahan di *group whatsapp* penduduk tempatan lebih sesuai digunakan berbanding hebahan di media sosial.

Sekiranya *Food Bank* hendak diletakkan di kawasan masjid, pihak yang ingin meletakkan almari *Food Bank* perlulah berurusan dengan qariah masjid tersebut terlebih dahulu. Jika almari *Food Bank* itu hendak dikunci, pastikan orang yang dilantik sentiasa ada di masjid bagi memudahkan urusan orang lain untuk mengambil makanan. Sekiranya inisiatif *Food Bank* itu digerakkan oleh NGO, adalah lebih baik sekiranya dapat melantik sukarelawan untuk memantau *Food Bank* tersebut dengan memastikan susun aturnya bersih, kemas, dan tidak terputus bekalan.

### **Lokasi Strategik untuk Menempatkan *Food Bank***

Rakyat Malaysia sangat prihatin dengan nasib yang menimpa golongan yang dibuang kerja dan golongan yang susah semasa musim pandemik Covid-19.

Kewujudan lebih banyak *Food Bank* telah direkodkan semasa era tersebut.

### Jumlah *Food Bank* Mengikut Negeri di Malaysia

	Negeri	Bilangan
1.	Johor	113
2.	Kedah	8
3.	Kelantan	13
4.	Melaka	9
5.	Negeri Sembilan	15
6.	Pahang	12
7.	Perak	71
8.	Perlis	5
9.	Pulau Pinang	9
10.	Sabah	4
11.	Sarawak	3
12.	Selangor dan Wilayah Persekutuan	92
13.	Terengganu	6
	<b>Jumlah</b>	<b>360</b>

Menurut sumber laman sesawang *impact.my*, terdapat 360 buah *Food Bank* di seluruh Malaysia. Jadual di bawah menunjukkan negeri Johor mempunyai 113 buah *Food Bank* dengan kebanyakan *Food Bank* ditempatkan di stesen minyak Petronas. Lawan

sesawang ini turut menyatakan dengan jelas alamat lokasi *Food Bank* yang terdapat di seluruh Malaysia. Antara lokasi lain yang menempatkan *Food Bank* adalah di masjid, surau, klinik, kedai dobi layan diri, pasaraya, restoran dan balai raya.

### **Apakah yang perlu diisi di dalam *Food Bank*?**

Bagi sesiapa yang berhasrat untuk menyumbang makanan keperluan secara peribadi dengan membelinya sendiri, anda perlulah memikirkan apakah makanan yang boleh mengenyangkan dan membantu mereka yang terdesak untuk *survive*. Antara barang makanan kering keperluan asas yang boleh disumbangkan adalah seperti beras, gula, tepung, susu pekat manis, kicap, sos, teh uncang, kopi uncang, mihun, ikan masin, budu, telur, dan biskut. Berikut adalah contoh perbelanjaan untuk pembelian barang makanan kering yang boleh disumbangkan dengan anggaran bajet kurang RM500.

### Anggaran Perbelanjaan untuk *Food Bank*

No.	Item	Harga Seunit (RM)	Kuantiti (unit)	Jumlah (RM)
1.	Beras Faiza Emas 5kg	13.00	10	130.00
2.	Minyak masak paket 1 kg	2.50	12	30.00
3.	Tepung gandum 1 kg	-	10 (1 kotak)	31.00
4.	Gula 1 kg	2.85	12 (1 bundle)	34.20
5.	Susu pekat manis Saji	2.74	12	32.88
6.	Kopi O Aik Cheong	-	10 (1 bungkus pek jimat)	21.99
7.	Lipton potbag	2.70	12	32.40
8.	Bihun Jasmine	2.99	12	35.88
9.	Kicap lemak Jalen 325 ml	3.60	12	43.20
10.	Budu / sos bilis 100 ml	1.90	12	22.80
11	Ikan masin (pelbagai jenis)	3.90	12	42.00
<b>JUMLAH</b>				<b>456.35</b>



Barang keperluan yang boleh disumbangkan juga boleh disesuaikan mengikut golongan sasaran. Jika *Food Bank* diletakkan di dalam kawasan kampus dan golongan sasaran adalah pelajar, maka barang-barang makanan mentah yang diperlukan untuk memasak adalah tidak sesuai. Sebaliknya, barang-barang keperluan harian pelajar seperti ubat gigi, sabun mandi, sabun basuh, mi segera, minuman 3 dalam 1, biskut, tuala wanita, dan alatulis adalah lebih sesuai.

### **Barang Yang Perlu Dielakkan**

Bukan semua barangan dapur sesuai untuk diletakkan di *Food Bank*. Terdapat beberapa jenis makanan yang tidak sesuai diletakkan walaupun ia merupakan keperluan asas dalam masakan. Antaranya adalah gula dan minyak masak kerana dua item ini sukar untuk diselenggara. Gula tidak sesuai diletakkan di *Food Bank* kerana ia akan mengundang semut, manakala minyak masak pula mungkin bocor dan boleh mengotorkan almari.

Selain itu makanan dalam tin seperti Sardin juga tidak perlu diletakkan di dalam *Food Bank* kerana ia dianggap sebagai makanan mewah. Harga setin Sardin itu boleh digunakan untuk membeli barang keperluan makanan kering yang lebih murah. Mi segera juga bukan

keperluan dan tidak mengenyangkan, justeru tidak perlu diletakkan di dalam *Food Bank*.

### **Kurangkan Risiko Kecurian**

Memang tidak dinafikan terdapat kes orang yang mengambil makanan di *Food Bank* secara berlebihan. Kuantiti barang yang diambil jelas menunjukkan ianya bukan untuk sekadar keperluan. Perlakuan ini kebiasaannya didorong oleh sikap tamak dan mementingkan diri sendiri. Malah lebih buruk lagi jika orang yang mengambil makanan di *Food Bank* tersebut bukanlah dari kalangan mereka yang benar-benar tidak mampu dan sangat memerlukan, sebaliknya berniat untuk mencuri dan menjual semula barangan tersebut di pasaran gelap.

Kebanyakan *Food Bank* ditempatkan di kawasan yang mempunyai pengawasan kamera CCTV (*Closed-Circuit Television*). Tujuannya adalah untuk memantau aktiviti meletak dan mengambil barangan makanan keperluan dari *Food Bank* tersebut bagi memastikan tiada orang yang mengambil kesempatan dari inisiatif tersebut.

## Penutup

Kesimpulannya, sesiapa sahaja yang terdesak dan memerlukan barang makanan boleh mengambil sahaja dari *Food Bank* yang terdapat di seluruh Malaysia. Tidak perlu merasa malu malah tanamkan azam dalam diri untuk membalas budi orang yang tidak dikenali dengan cara berusaha bersungguh-sungguh supaya dapat memperbaiki kehidupan dan seterusnya dapat menyumbang juga di dalam *Food Bank* tersebut suatu hari nanti untuk membantu orang lain.

Konsep *Food Bank* ini sangat dekat di hati rakyat Malaysia. Inisiatif ini boleh diambil oleh sesiapa sahaja dalam membantu golongan yang memerlukan dan mereka yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19. Ia menggambarkan sikap prihatin rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa. Inisiatif ini patut diteruskan meskipun negara kita telah beralih dari fasa pandemik ke fasa endemik. Walau bagaimanapun, *Food Bank* ini juga boleh terhenti dengan sendirinya apabila terputus bekalan, kekurangan dana dan ketiadaan sukarelawan untuk membeli stok makanan. Justeru, pihak yang mengambil inisiatif untuk memulakan program *Food Bank* di kawasan tertentu perlulah memikirkan kaedah yang paling berkesan untuk memastikan *Food Bank* tersebut dapat terus berfungsi dengan sendirinya untuk tempoh jangka masa panjang.

## Rujukan

Ilma Ibrisevic. (2022). Top 9 Food Bank Fundraising Ideas and Strategies. Diakses dari <https://donorbox.org/nonprofit-blog/food-bank-fundraising-ideas>

Kenal Pasti Lokasi Sasaran Food Bank Elak Pembaziran Makanan di Kalangan Gelandangan. Malaysia Dateline. Diakses dari <https://malysiadateline.com/kenal-pasti-lokasi-sasaran-food-bank-elak-pembaziran-makanan-dikalangan-gelandangan/>

Program Food Bank. Portal Rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Diakses dari <https://www.kpdnhep.gov.my/ms/kepenggunaan-program/program-foodbank>

Senarai Food Bank di Malaysia. Diakses dari <https://www.impact.my/senaraifoodbank/>



# PASCA PANDEMIK COVID-19

## Adaptasi Kebiasaan Baru

JILID 2

Buku **Pasca Pandemi Covid-19: Adaptasi Norma Baru (Jilid 2)**, merangkumi perbincangan isu-isu semasa dalam mendepani pandemik Covid-19. Isu-isu yang dikupas relevan dengan situasi semasa. Para penulis telah menyusun dan membincangkan fakta terkini berkaitan dengan isu-isu pengurusan, kewangan, ekonomi dan juga keusahawanan.

Mengambil kira pelan tindakan dari kerajaan, para penulis mengupas dan membincangkan dengan lebih terperinci dari sudut keberkesanan dan impaknya kepada golongan sasaran.

Meskipun berdepan dengan krisis pandemik covid-19, tindakan dan inisiatif pantas kerajaan menanganinya amatlah membantu sekurang-kurangnya bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Pelan tindakan kepada hampir keseluruhan golongan amat diterima baik dan dimanfaatkan sepenuhnya. Namun begitu langkah penambahbaikan dan perancangan jangka masa panjang oleh pihak kerajaan terutamanya, masih perlu diteliti kerana negara kita telah berada di fasa endemik Covid-19.

Kita semua perlu mengadaptasi kebiasaan baru dan sudah pasti cabaran baru buat rakyat dan negara. Dalam menghadapi kehidupan norma baharu ini, matlamat utama adalah bagi memastikan keharmonian dan kelestarian pembangunan negara.

Hasil penulisan kami di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pembaca. Selain boleh dijadikan panduan bagi mendepani krisis Covid-19 pada waktu semasa dan masa hadapan.

e ISBN 978-629-97305-1-4



9 78 629 973 05 1 4